

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)19

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

19. Bilakah Projek Lebuhraya Bukit Kukus sejauh 5 km dengan nilai RM545.6 juta bermula dan bila siap untuk digunakan?
- (a) Sila huraikan pecahan panjang jalan dan nilai projek antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan dua (2) syarikat swasta serta peruntukan oleh MBPP.
 - (b) Adakah hasil laporan siasatan kes runtuhannya ini telah siap dan dibentangkan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Projek Pembinaan Jalan Berkembar, Jalan Paya Terubong (Bukit Kukus) yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah dimulakan sejak 14 Januari 2016 yang lalu dan dijangka akan siap sepenuhnya untuk dibuka kepada umum pada bulan Mei 2021.
- (a) Panjang keseluruhan Jalan Berkembar, Jalan Paya Terubong (Bukit Kukus) adalah sepanjang 5.5 km.

Sepanjang 3.3 km dibina oleh MBPP, sepanjang 1.4 km akan dibina oleh PLB Land Sdn Bhd dan sepanjang 0.8 km akan dibina oleh Geo Valley Sdn Bhd. Kos pembinaan yang terlibat oleh MBPP adalah sebanyak RM275,600,000.00. Kos pembinaan oleh PLB Land Sdn Bhd adalah sebanyak RM150 juta dan kos pembinaan oleh Geo Valley Sdn Bhd sebanyak RM120 juta. Kos keseluruhan projek ini adalah sebanyak RM545,600,000.00

- (b) Laporan siasatan dalaman MBPP telah dibentangkan kepada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 9 Januari 2019 yang lalu. Hasil siasatan menunjukkan terdapat kelemahan dalam kerja-kerja tanah sementara yang dijalankan oleh pihak kontraktor. Di samping itu, terdapat kelemahan dalam pengawasan tapak kerja oleh firma jurutera perunding utama dan firma jurutera penyemak bebas.

Syarikat kontraktor bagi projek Pembinaan Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong (Bukit Kukus) telah diambil tindakan oleh mahkamah pada 29 Februari 2020 melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSHS). Denda yang

dikenakan kepada syarikat kontraktor adalah sebanyak RM35,000.00. Di samping itu juga, pengarah projek juga telah dikenakan denda sebanyak RM35,000.00.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)20

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

20. Masalah dadah.

- (a) Senaraikan kes tangkapan yang dibuat berkaitan penagihan dan pengedaran dadah mengikut daerah dalam sepuluh tahun ini.
- (b) Daripada jumlah tersebut, berapakah kes yang melibatkan taiko besar dan ejen pengedar?
- (c) Selain tangkapan, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam membanteras jenayah dadah yang semakin berleluasa?

**YB. DR. HAJAH NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. (a) Senarai kes tangkapan yang dibuat berkaitan penagihan dan pengedaran dadah mengikut daerah dalam sepuluh tahun dari 1 Januari 2010 hingga 31 Ogos 2020 ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Maksud Bekalan Dadah berkaitan dengan aktiviti Pengedaran Dadah, selalunya merujuk kepada penagih untuk mendapatkan sumber dadah manakala Permintaan Dadah merujuk kepada Transaksi dadah yang

terus berleluasa dalam pengedaran kerana adanya permintaan.

- (b) Maklumat daripada Polis Diraja Malaysia Pulau Pinang menyatakan kes yang melibatkan Taiko besar dan ejen Pengedar adalah sebanyak 5 kes dalam masa 10 tahun. Bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 pertuduhan melibatkan Pengedaran Dadah dan Hukuman Mati, terdapat 17 kes sejak 10 tahun dari 1 Januari 2010 hingga 31 Ogos 2020.

Seksyen 39A(2) untuk kes pemilikan dadah melibatkan hukuman penjara dan sebatan 10 kali ada 3,536 kes sejak 10 tahun dari 1 Januari 2010 hingga 31 Ogos 2020.

- (c) Selain tangkapan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 22 September 2020 di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Negeri Pulau Pinang Bil 1/2020 telah memperkenalkan sistem I-REFER, sebuah inisiatif bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Pulau Pinang dan PEGIS Pulau Pinang yang membawakan sistem Pemetaan Pemprofilan kawasan berisiko tinggi dadah dan penggunaan warna seperti pemetaan Covid-19 untuk

menunjukkan warna Merah (*hotspot*), Jingga, Kuning, Hijau secara *LIVE* di kawasan dadah di Negeri Pulau Pinang. Sistem I-REFER menggunakan PEGIS *map browser* yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi AADK Negeri Pulau Pinang.

Majlis Tindakan Membanteras Dadah Negeri Pulau Pinang menyokong penuh penggunaan Sistem I-REFER; dan Bersetuju supaya I-REFER dijadikan sebagai rujukan utama Kerajaan Negeri, Jabatan Kerajaan, Pejabat Ahli Parlimen, Pejabat ADUN, Pejabat Daerah, Peghulu Mukim dan MPKK berkaitan permasalahan dadah di Pulau Pinang.

Maklumat-maklumat yang boleh diakses melalui I-REFER adalah seperti berikut:

- (i) Kawasan Penagihan Dadah, Mukim;
- (ii) Kawasan Penempatan Berisiko;
- (iii) Jumlah Unit Keluarga;
- (iv) Jumlah Institusi Pendidikan;
- (v) Analisis Program Pencegahan;
- (vi) Perancangan Operasi;
- (vii) Risikan;

- (viii) Keluasan Kawasan;
- (ix) Jumlah Populasi Penduduk;
- (x) Jumlah Statistik Penyalahgunaan Dadah dan OKP; dan
- (xi) Taburan Kes Komplian dan Tidak Komplian; serta Anggaran Penagih.

REFER boleh diakses di laman PEGIS map browser: <http://pegis.penang.gov.my/geoportal/home/index.html>. Slide pembentangan dan kegunaan lanjut penggunaan sistem I-REFER adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Program Rintis AADK melibatkan 15 Agensi bawah 9 Kementerian dilaksanakan di 12 kawasan di seluruh negara di mana agensi kerajaan bergerak bersama, bukan berasingan. Terdapat 155 kawasan risiko tinggi dadah Zon Merah di seluruh negara. Bukit Mertajam ada 4 kawasan risiko tinggi, dan kawasan Guar Perahu di Penanti adalah Zon Merah.

Majlis Banteras Dadah Negeri Pulau Pinang pada September 2020 juga telah melihat Laporan Penilaian Outcome Program Rintis pertama di Pulau Pinang yang telah dimulakan di Guar Perahu Penanti bersama ADUN Penanti bermula dengan Dialog

permasalahan dadah sintetik (75% kes dadah) pada Ogos 2019. Program RINTIS ini melibatkan Pejabat ADUN, MP, MPKK, Qariah Masjid, JPWK, Persatuan Penduduk, KRT, Skuad AADK dan NGO setempat seperti Stop the Methness, Sahabat Belia, Majlis Belia, dan lain-lain.

Sekarang Program Rintis Guar Perahu melibatkan 3 mukim iaitu Mk 19, 20, 21 iaitu Kg Mengkuang Mak Sulong, Taman Guar Perahu, Kg Padang Ibu hingga Kg Tun Sardon, umur 25 ke atas, 90% lelaki, 10% wanita yang bertujuan untuk:

- (i) mengurangkan bilangan kes baru melalui tindakan bersepadu;
- (ii) mengurangkan bilangan kes berulang melalui peningkatan jumlah penagih dan penyalahgunaan bahan terlarang;
- (iii) kadar jenayah jalanan menurun; dan
- (iv) komuniti bangkit memerangi dadah.

Laporan Penilaian Outcome Program Rintis menunjukkan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh stakeholder (ADUN, MP, MPKK, JPWK, NGO), keterlibatan positif oleh komuniti; dan peningkatan kesediaan komuniti untuk berubah.

- (i) 21 program Omnipresence berjaya dilakukan termasuk rondaan, edaran pamphlet, temu seru;
- (ii) Skor kesediaan komuniti untuk berubah di Kg Guar Perahu, Taman Guar Perahu, Kg Padang Ibu, Kg Tun Sardon telah meningkat tinggi dari Tahap 2 (Penafian) kepada Tahap 5 (Persediaan) pada Jun 2020;
- (iii) 27 orang atau 38% kadar penagih baru yang tidak pernah dikesan sebelum ini telah berjaya dikesan dengan kerjasama MPKK dan lain-lain pemimpin masyarakat setempat yang terlibat program Rintis Guar Perahu pada September 2019 sehingga 10 Jun 2020; dan
- (iv) 8 Sarang Dadah telah dikenalpasti dan 5 telah berjaya dibersihkan;
- (v) 21% peningkatan kes komplian hadir;
- (vi) 71% penagih dadah berjaya di tahan untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Institusi Pemulihan dari Sept 2019-Jun 2020;
- (vii) Penajaan kewangan, pengecualian sewa dewan PINTAR Taman Guar Perahu, bantuan khidmat nasihat dari Agensi lain seperti LPPKN untuk saringan kemurungan ibubapa dan keluarga OKT.

Impak bagi pelaksanaan Program Rintis ini adalah:

- (i) Guar Perahu bebas dadah jadi Zon Hijau target bulan Jun 2021;
- (ii) Masyarakat berasa selamat;
- (iii) Tahap keyakinan dan sokongan kepada agensi penguatkuasaan;
- (iv) Kesedaran rakyat tentang bahaya dadah meningkat; dan
- (v) Pemilik-hakkan komuniti dalam menangani permasalahan dadah

Slide pembentangan Pelaksanaan Program Rintis di Guar Perahu adalah seperti di **LAMPIRAN C** yang akan diletakkan diatas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

Pada 5/9/2020, Bengkel Design Thinking Program Rintis Guar Perahu membuat cadangan pelaksanaan dari 7 aspek:

Aspek Keselamatan:

- (i) Latih penduduk setiap kampung bagi Penerangan *Apps* PDRM VSP untuk bagi maklumat dadah;
- (ii) Operasi - sekali sebulan rm2000 untuk test urin dadah Shabu;

- (iii) kes rompak dan ragut selalunya melibatkan kes dadah Shabu. 27% penagih terlibat dlm jenayah. Mula-mula penagih bukan penjenayah. Syor Rawat penagih di Pusat Pemulihan, bukan di penjara;
- (iv) Tutup Lorong tikus; dan
- (v) Untuk cegah aktiviti lumba haram motorsikal, bagi malam atau tutup lampu di atas flyover Hiway BKE persimpangan Kubang Semang dan atas flyover Mengkuang pada pukul jam 2.00 - 5.00 pagi

Aspek Sosial dan Pendidikan:

- (i) Rumah Collective sebagai tempat selamat atau Safehouse. Sebagai contoh Gudang 1 ekar Kilang Letrik di Johor. Di Guar Perahu, Dewan PINTAR Taman Guar Perrahu atau sekurang-kurangnya Gudang Bundle Padang Ibu belakang Masjid Padang Ibu. Majlis Belia Daerah mencadangkan Pusat Belia. Cadangan ialah untuk memanfaatkan tanah Persekutuan di kawasan Padang Homestay Mengkuang Titi;
- (ii) Belajar baiki dan teknik kayuh basikal dari Ikon bicycle seperti Tigun Wibisana dari US, Man Gerek yang kayuh basikal dari Pulau Pinang ke Mekah untuk menunaikan umrah, Pak Din Musa, Noh Hujan;

- (iii) Online gaming, Kelas solekan utk remaja perempuan;
- (iv) Program Pertanian Bandar; dan
- (v) Pendidikan Keibubapaan untuk pencegahan dadah.

Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah:

- (i) Meningkatkan pemeriksaan / operasi di kawasan-kawasan berisiko tinggi wujudnya aktiviti pengedaran dadah contohnya di Jeti, Pelabuhan, Terminal Kargo, Terminal Bas, Stesyen Keretapi;
- (ii) Memantau perbekalan bahan-bahan memproses dadah seperti Kafein dan bahan kimia di kedai-kedai yang membekalkan bahan kimia;
- (iii) Mengadakan kempen dan ceramah;
- (iv) Kerap buat pemantauan dan pemeriksaan di Pusat servis Kurier seluruh negeri; dan
- (v) Mengadakan perjumpaan dengan wakil setiap pusat servis kurier bagi mendedahkan kesalahan dan bahaya aktiviti pengedaran dadah melalui servis kurier.

LAMPIRAN A

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 DIS 2010

SEKSYEN		T/LAUT		SPU		SPT		SPS		B/DAYA		JUMLAH	
		KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP
BEKALAN	39B ADB 1952	92	132	29	49	65	106	12	21	12	18	210	326
	39A(2) ADB 1952	58	71	34	44	52	67	6	6	13	21	163	209
	39A(1) ADB 1952	92	134	55	75	87	134	19	23	26	40	279	406
	6B ADB 1952	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	1	1
	JUMLAH BEKALAN	242	337	118	168	205	308	37	50	51	79	653	942
PERMINTAAN	12(3) ADB 1952	637	784	259	305	471	627	93	113	110	134	1570	1963
	6 ADB 1952	102	137	44	55	53	71	17	19	36	44	252	326
	AKTA RACUN 1952	5	7	13	13	22	69	4	4	43	58	87	151
	JUMLAH MEMILIKI	744	928	316	373	546	767	114	136	189	236	1909	2440
	15(1) ADB 1952	526	731	399	475	891	1152	517	602	384	445	2717	3405
	3(1) APD (R&P) 1983	2304	3851	1337	1800	1290	1753	403	487	675	961	6009	8852
	JUMLAH URINE	2830	4582	1736	2275	2181	2905	920	1089	1059	1406	8726	12257
JUMLAH KESELURUHAN	3816	5847	2170	2816	2932	3980	1071	1275	1299	1721	11288	15639	

LAMPIRAN A

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 DIS 2011

SEKSYEN	T/LAUT		SPU		SPT		SPS		B/DAYA		JUMLAH		
	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	
BEKALAN	39B ADB 1952	96	144	38	67	61	102	14	16	23	35	232	364
	39A(2) ADB 1952	58	71	27	32	61	73	11	11	24	42	181	229
	39A(1) ADB 1952	114	160	44	62	88	122	24	32	35	48	305	424
	6B ADB 1952	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH BEKALAN	268	375	109	161	210	297	49	59	82	125	718	1017
PERMINTAAN	12(3) ADB 1952	575	721	243	308	355	478	108	141	130	164	1411	1812
	6 ADB 1952	81	97	23	24	41	52	16	19	24	36	185	228
	AKTA RACUN 1952	4	17	27	32	31	52	7	7	50	75	119	183
	JUMLAH MEMILIKI	660	835	293	364	427	582	131	167	204	275	1715	2223
	15(1) ADB 1952	616	994	779	945	1141	1512	648	818	521	675	3705	4944
	3(1) APD (R&P) 1983	2281	3868	1457	1974	1244	1613	448	547	784	1078	6214	9080
	JUMLAH URINE	2897	4862	2236	2919	2385	3125	1096	1365	1305	1753	9919	14024

LAMPIRAN A

JUMLAH KESELURUHAN	3825	6072	2638	3444	3022	4004	1276	1591	1591	2153	12352	17264
--------------------	------	------	------	------	------	------	------	------	------	------	-------	-------

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 DIS 2012

SEKSYEN	T/LAUT		SPU		SPT		SPS		B/DAYA		JUMLAH		
	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	
BEKALAN	39B ADB 1952	99	158	44	79	48	76	14	23	23	36	228	372
	39A(2) ADB 1952	78	112	31	44	45	58	24	36	24	36	202	286
	39A(1) ADB 1952	110	151	43	54	89	133	27	33	32	53	301	424
	6B ADB 1952	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH BEKALAN	287	421	118	177	182	267	65	92	79	125	731	1082
PERMINTAAN	12(3) ADB 1952	604	750	231	257	292	417	147	169	160	220	1434	1813
	6 ADB 1952	94	114	28	31	47	66	16	28	23	33	208	272
	AKTA RACUN 1952	6	15	14	17	11	24	9	18	40	61	80	135
	JUMLAH MEMILIKI	704	879	273	305	350	507	172	215	223	314	1722	2220
	15(1) ADB 1952	1047	1112	969	969	1216	1162	761	774	634	720	4627	4737

LAMPIRAN A

	3(1) APD (R&P) 1983	2559	3598	1897	1943	1130	1431	698	703	948	1071	7232	8746
	JUMLAH URINE	3606	4710	2866	2912	2346	2593	1459	1477	1582	1791	11859	13483
	JUMLAH KESELURUHAN	4597	6010	3257	3394	2878	3367	1696	1784	1884	2230	14312	16785

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 DIS 2013

SEKSYEN		T/LAUT		SPU		SPT		SPS		B/DAYA		JUMLAH	
		KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP
BEKALAN	39B ADB 1952	101	148	41	65	56	77	28	59	22	36	248	385
	39A(2) ADB 1952	81	115	27	31	30	51	15	22	14	29	167	248
	39A(1) ADB 1952	124	157	39	49	65	96	26	34	31	44	285	380
	6B ADB 1952	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH BEKALAN	306	420	107	145	151	224	69	115	67	109	700	1013
PERMINTAAN	12(3) ADB 1952	602	748	233	288	211	272	127	161	136	199	1309	1668
	6 ADB 1952	101	118	20	23	32	37	19	22	21	29	193	229
	AKTA RACUN 1952	12	24	26	28	12	23	24	35	47	86	121	196
	JUMLAH MEMILIKI	715	890	279	339	255	332	170	218	204	314	1623	2093
	15(1) ADB 1952	1093	1129	777	777	1125	1125	529	530	541	541	4065	4102

LAMPIRAN A

	3(1) APD (R&P) 1983	2347	3503	1685	1685	978	1224	631	632	987	987	6628	8031
	JUMLAH URINE	3440	4632	2462	2462	2103	2349	1160	1162	1528	1528	10693	12133
	JUMLAH KESELURUHAN	4461	5942	2848	2946	2509	2905	1399	1495	1799	1951	13016	15239

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 DIS 2014

SEKSYEN		T/LAUT		SPU		SPT		SPS		B/DAYA		JUMLAH	
		KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP
BEKALAN	39B ADB 1952	117	211	45	69	56	102	19	34	40	63	277	479
	39A(2) ADB 1952	113	154	44	67	34	51	26	33	30	37	247	342
	39A(1) ADB 1952	163	206	52	59	94	122	32	43	61	81	402	511
	6B ADB 1952	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH BEKALAN	393	571	141	195	184	275	77	110	131	181	926	1332
PERMINTAAN	12(3) ADB 1952	684	799	235	275	207	293	166	213	205	269	1497	1849
	6 ADB 1952	99	119	24	29	20	20	17	20	40	56	200	244

LAMPIRAN A

	AKTA RACUN 1952	20	54	45	65	36	58	23	46	148	300	272	523
	JUMLAH MEMILIKI	803	972	304	369	263	371	206	279	393	625	1969	2616
	15(1) ADB 1952	861	861	1058	1058	1241	1242	664	664	713	724	4537	4549
	3(1) APD (R&P) 1983	2425	2520	1775	1797	930	931	644	644	839	845	6613	6737
	JUMLAH URINE	3286	3381	2833	2855	2171	2173	1308	1308	1552	1569	11150	11286
	JUMLAH KESELURUHAN	4482	4924	3278	3419	2618	2819	1591	1697	2076	2375	14045	15234

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 DIS 2015

SEKSYEN		T/LAUT		SPU		SPT		SPS		B/DAYA		JUMLAH	
		KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP
BEKALAN	39B ADB 1952	141	217	65	106	67	146	21	33	46	63	340	565
	39A(2) ADB 1952	89	125	39	65	52	82	14	23	38	54	232	349
	39A(1) ADB 1952	202	258	75	94	71	110	39	57	67	110	454	629
	6B ADB 1952	0	0	0	0	0	0	0	0	3	3	3	3
	JUMLAH BEKALAN	432	600	179	265	190	338	74	113	154	230	1029	1546
PERMI NTAAN	12(3) ADB 1952	715	884	257	319	329	407	167	202	222	311	1690	2123

LAMPIRAN A

	6 ADB 1952	91	125	28	35	30	33	16	19	28	41	193	253
	AKTA RACUN 1952	41	81	98	137	81	118	40	78	142	263	402	677
	JUMLAH MEMILIKI	847	1090	383	491	440	558	223	299	392	615	2285	3053
	15(1) ADB 1952	966	978	1171	1174	1625	1636	779	779	760	763	5301	5330
	3(1) APD (R&P) 1983	1849	2137	1182	1198	818	849	612	619	642	666	5103	5469
	JUMLAH URINE	2815	3115	2353	2372	2443	2485	1391	1398	1402	1429	10404	10799
JUMLAH KESELURUHAN		4094	4805	2915	3128	3073	3381	1688	1810	1948	2274	13718	15398

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 DIS 2016

SEKSYEN		T/LAUT		SPU		SPT		SPS		B/DAYA		JUMLAH	
		KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP
BEKALAN	39B ADB 1952	163	246	70	131	61	100	30	42	49	76	373	595
	39A(2) ADB 1952	117	155	32	45	55	89	24	35	31	45	259	369
	39A(1) ADB 1952	252	359	109	152	107	173	46	69	76	127	590	880

LAMPIRAN A

	6B ADB 1952	1	1	0	0	0	0	0	0	1	4	2	5
	JUMLAH BEKALAN	533	761	211	328	223	362	100	146	157	252	1224	1849
PERMINTAAN	12(3) ADB 1952	856	1133	395	497	438	582	216	265	276	387	2181	2864
	6 ADB 1952	170	231	31	39	31	45	16	21	36	49	284	385
	AKTA RACUN 1952	71	147	101	148	117	215	83	177	149	309	521	996
	JUMLAH MEMILIKI	1097	1511	527	684	586	842	315	463	461	745	2986	4245
	15(1) ADB 1952	1151	1162	1593	1593	1509	1509	1329	1329	1054	1055	6636	6648
	3(1) APD (R&P) 1983	733	1363	594	594	1042	1102	325	326	376	521	3070	3906
	JUMLAH URINE	1884	2525	2187	2187	2551	2611	1654	1655	1430	1576	9706	10554
JUMLAH KESELURUHAN		3514	4797	2925	3199	3360	3815	2069	2264	2048	2573	13916	16648

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 DIS 2017

SEKSYEN		T/LAUT		SPU		SPT		SPS		B/DAYA		JUMLAH	
		KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP
BEKALAN	39B ADB 1952	154	211	106	190	67	110	31	52	56	90	414	653
	39A(2) ADB 1952	148	185	43	71	54	78	26	30	40	59	311	423
	39A(1) ADB 1952	298	367	100	180	201	305	60	83	108	158	767	1093

LAMPIRAN A

	6B ADB 1952	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH BEKALAN	600	763	249	441	322	493	117	165	204	307	1492	2169
PERMINTAAN	12(3) ADB 1952	1139	1402	574	754	678	1111	334	424	384	525	3109	4216
	6 ADB 1952	138	180	19	26	55	82	36	49	35	49	283	386
	AKTA RACUN 1952	47	74	93	135	165	341	77	134	91	165	473	849
	JUMLAH MEMILIKI	1324	1656	686	915	898	1534	447	607	510	739	3865	5451
	15(1) ADB 1952	1187	1187	991	991	896	896	1171	1171	1021	1021	5266	5266
	3(1) APD (R&P) 1983	21	31	33	33	59	60	4	4	14	20	131	148
	JUMLAH URINE	1208	1218	1024	1024	955	956	1175	1175	1035	1041	5397	5414
JUMLAH KESELURUHAN	3132	3637	1959	2380	2175	2983	1739	1947	1749	2087	10754	13034	

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 DIS 2018

SEKSYEN		T/LAUT		SPU		SPT		SPS		B/DAYA		JUMLAH	
		KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP
BEKALAN	39B ADB 1952	174	239	111	192	76	156	19	32	59	94	439	713

LAMPIRAN A

	39A(2) ADB 1952	123	154	53	72	62	99	31	36	39	44	308	405
	39A(1) ADB 1952	294	347	129	200	220	388	108	132	141	236	892	1303
	6B ADB 1952	0	0	0	0	1	5	0	0	0	0	1	5
	JUMLAH BEKALAN	591	740	293	464	359	648	158	200	239	374	1640	2426
PERMINTAAN	12(3) ADB 1952	1290	1436	794	976	917	1383	414	497	552	746	3967	5038
	6 ADB 1952	106	128	19	23	69	118	34	42	44	61	272	372
	AKTA RACUN 1952	23	40	58	79	201	341	115	202	72	108	469	770
	JUMLAH MEMILIKI	1419	1604	871	1078	1187	1842	563	741	668	915	4708	6180
	15(1) ADB 1952	770	770	527	527	255	255	265	265	403	403	2220	2220
	3(1) APD (R&P) 1983	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH URINE	770	770	527	527	255	255	265	265	403	403	2220	2220
JUMLAH KESELURUHAN	2780	3114	1691	2069	1801	2745	986	1206	1310	1692	8568	10826	

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 DIS 2019

SEKSYEN	T/LAUT		SPU		SPT		SPS		B/DAYA		JUMLAH	
	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP

LAMPIRAN A

BEKALAN	39B ADB 1952	151	211	112	182	79	165	31	45	60	96	433	699
	39A(2) ADB 1952	91	115	87	143	44	65	11	11	14	23	247	357
	39A(1) ADB 1952	301	373	167	267	260	452	107	139	132	217	967	1448
	6B ADB 1952	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	JUMLAH BEKALAN	543	699	366	592	383	682	149	195	206	336	1647	2504
PERMINTAAN	12(3) ADB 1952	1270	1454	1087	1283	1135	1895	451	547	495	664	4438	5843
	6 ADB 1952	58	70	23	29	56	82	22	30	32	40	191	251
	AKTA RACUN 1952	19	41	101	143	206	334	84	114	71	113	481	745
	JUMLAH MEMILIKI	1347	1565	1211	1455	1397	2311	557	691	598	817	5110	6839
	15(1) ADB 1952	1128	1128	604	604	817	817	270	270	277	277	3096	3096
	3(1) APD (R&P) 1983	10	10	9	9	9	0	0	0	0	0	28	19
	JUMLAH URINE	1138	1138	613	613	826	817	270	270	277	277	3124	3115
JUMLAH KESELURUHAN	3028	3402	2190	2660	2606	3810	976	1156	1081	1430	9881	12458	

STATISTIK PENCAPAIAN KESELURUHAN KES DAN TANGKAPAN, PECAHAN DAERAH BAGI TEMPOH 01 JAN – 31 OGOS 2020

SEKSYEN	T/LAUT	SPU	SPT	SPS	B/DAYA	JUMLAH
---------	--------	-----	-----	-----	--------	--------

LAMPIRAN A

		KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP	KES	TKP
BEKALAN	39B ADB 1952	107	164	80	137	92	143	25	33	54	80	358	557
	39A(2) ADB 1952	68	106	64	102	35	70	13	21	15	20	195	319
	39A(1) ADB 1952	181	228	126	182	124	189	52	72	62	87	545	758
	6B ADB 1952	0	0	2	3	0	0	0	0	0	0	2	3
	JUMLAH BEKALAN	356	498	272	424	251	402	90	126	131	187	1100	1637
PERMINTAAN	12(3) ADB 1952	577	737	559	694	521	801	304	415	325	437	2286	3084
	6 ADB 1952	41	50	20	32	38	58	12	16	23	39	134	195
	AKTA RACUN 1952	18	29	82	162	52	88	38	66	43	87	233	432
	JUMLAH MEMILIKI	636	816	661	888	611	947	354	497	391	563	2653	3711
	15(1) ADB 1952	543	543	138	138	163	163	112	112	184	184	1140	1140
	3(1) APD (R&P) 1983	0	0	7	40	7	7	0	0	11	14	25	61
	JUMLAH URINE	543	543	145	178	170	170	112	112	195	198	1165	1201
JUMLAH KESELURUHAN	1535	1857	1078	1490	1032	1519	556	735	717	948	4918	6549	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)21

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

21. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani isu *homestay* atau *Airbnb* yang berlaku dalam kawasan perumahan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Bagi menangani isu *homestay* atau *Airbnb* yang berlaku dalam kawasan perumahan, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengeluarkan notis di bawah Seksyen 27(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 bagi memberhentikan aktiviti yang dijalankan dan memulihkan semula tanah / bangunan seperti keadaan sebelumnya. Notis juga akan dikeluarkan bagi segala pindaan dan tambahan atau pengubahsuaian dalaman terhadap unit *homestay* atau *Airbnb* di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 dan tindakan perobohan akan diambil selepas notis disempurnakan.

Bagi bangunan strata pula adalah tertakluk di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Walau bagaimanapun, tiada sebarang peruntukan pada Akta 757 berkaitan isu *homestay* atau *Airbnb*. Oleh yang demikian, jika terdapat isu *homestay* atau *Airbnb* di bangunan strata, Majlis akan menasihati *Joint Management Body* (JMB) / *Management Corporation* (MC) untuk membuat undang-undang kecil tambahan sebagaimana yang dinyatakan pada Seksyen 32(3) dan Seksyen 70(2), Akta 757. Seksyen tersebut memberikan kuasa kepada JMB / MC bagi membuat undang-undang kecil tambahan melalui ketetapan khas pada mesyuarat agung bagi mengawal selia kawalan, pengurusan, pentadbiran, penggunaan dan penikmatan bangunan dan harta bersama. Pihak JMB / MC juga boleh menetapkan denda yang tidak melebihi RM200.00 terhadap mana – mana pemilik yang melanggar undang – undang kecil tersebut.

Kerajaan Negeri akan menyemak dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap perkara ini dan

tindakan seterusnya adalah menyediakan satu garis panduan yang lengkap terhadap aktiviti ini terutamanya di kawasan perumahan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)22

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

22. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini, ramai telah memulakan perniagaan kecil seperti penjaja makanan. Adakah dasar kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberi keutamaan dalam mengawal aktiviti penjaja melalui peraturan dan garis panduan atau penguatkuasaan, seperti kompaun dan rampasan barang?
- (a) Perincikan statistik penguatkuasaan ke atas penjaja sepanjang tahun 2019-2020 mengikut PBT.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Pulau Pinang sentiasa mengawal aktiviti penjajaan makanan melalui beberapa kaedah iaitu dengan pemakaian Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih dan Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak. Garis panduan ini hanya terpakai kepada penjajaan kategori makanan, barangan dan perkhidmatan. Penjaja dan peniaga kecil akan diberikan lesen sekiranya syarat-syarat di dalam garis panduan tersebut dipatuhi seperti aktiviti penjajaan dijalankan

di kawasan yang belum sibuk, kawasan yang tidak menimbulkan kesesakan, kawasan yang tidak mengganggu lalu lintas jalanraya, di bawah *flyover* dan sebagainya.

Selain itu, PBT juga sentiasa mengenal pasti dan menyediakan lokasi penempatan semula penjaja yang bersesuaian atau ruang berniaga yang sah bagi menempatkan semula penjaja tanpa lesen dan menetapkan peraturan serta syarat-syarat terhadap penjaja-penjaja tersebut untuk memastikan aktiviti penjajaan tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu. PBT juga meluluskan permit penjajaan secara sementara kepada peniaga atau penjaja tepi jalanan mengikut kesesuaian lokasi penjajaan dan tidak menimbulkan kacau ganggu serta mematuhi Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih.

Dalam masa yang sama, PBT juga mengeluarkan permit penjajaan untuk aktiviti perniagaan buah-buahan bermusim serta menjalankan proses temuduga terbuka bagi pengisian ruang niaga PBT yang masih kosong dengan kekerapan dua (2) kali sebulan supaya penjaja-penjaja dapat diberikan lesen sekiranya berjaya. PBT akan menggunakan pendekatan secara tindakan penguatkuasaan sebagai kaedah terakhir untuk mengawal aktiviti penjajaan

sekiranya peniaga / penjaja masih ingkar dan gagal mematuhi undang-undang dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

(a) Statistik penguatkuasaan ke atas penjaja oleh PBT di sepanjang tahun 2019 – 2020 adalah seperti berikut:

BIL.	KESALAHAN	MBPP		MBSP	
		2019	2020	2019	2020
1	Pengeluaran Kompaun	9,806	2,864	240	115
2	Rampasan dan Sitaan	449	135	252	1,001
JUMLAH		10,255	2,999	492	1,116

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)23

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

23. Apakah persiapan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk kawasan rawan banjir di Seberang Perai Tengah, khususnya Bukit Tengah, untuk menghadapi sebarang bencana akibat banjir kilat dan kerosakan rumah dan infrastruktur awam pada musim tengkujuh yang telah bermula?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan dua (2) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Negeri di kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) iaitu RTB Parit 5 dan RTB Parit 4 yang dijangka siap pada awal tahun 2021.

Dalam tempoh pembinaan tersebut, sebanyak tiga (3) pam telah siap sedia ditempatkan di beberapa lokasi kritikal di kawasan Bukit Tengah bagi menghadapi musim tengkujuh tahun 2020.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)24

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

24. Berapakah kandungan air domestik yang digunakan oleh penduduk dan infra pembangunan di Pulau Pinang dan adakah cukup kandungan air ini?
- (a) Dari manakah penggunaan air untuk infra pembangunan diambil?
 - (b) Sekiranya tidak cukup mengapa perlu dibuat projek Penang South Reclamation (PSR)?.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

Volum permintaan dan perbekalan tahun lepas dan tahun ini serta cabaran adalah seperti berikut:

Tahun	Pembekalan (meter padu)	Permintaan (meter padu)
2018	391,537,524	306,573,881
2019	398,874,700	307,532,394
2020 sehingga Ogos	270,331,537	209,673,191

Setakat ini, pembekalan air adalah lebih daripada permintaan. Oleh itu, pembekalan air masih lagi mencukupi untuk keperluan rakyat Pulau Pinang.

Namun begitu, Yang Berhormat bertanya sama ada projek Penang Southern Reclamation (PSR) adalah diperlukan.

Bagi makluman Yang Berhormat, projek PSR adalah projek yang kritikal bagi masa depan Pulau Pinang. Projek ini bukan sekadar projek tambakan biasa untuk tujuan spekulasi hartanah.

Sebaliknya projek ini bertujuan untuk menjadi pemangkin ekonomi Negeri Pulau Pinang sepertimana Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas telah dibangunkan pada tahun 70an bersama-sama dengan bandar Bayan Baru. Tanpa Bayan Lepas, sudah tentu Pulau Pinang tidak akan mencapai kejayaan pada hari ini sebagai antara negeri paling maju, berdaya saing dan berdaya huni di negara ini.

Maka dengan semangat yang sama, projek PSR ini telah digagaskan. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, keseluruhan tambakan bagi PSR adalah lebih kurang 4,500 ekar dengan dibahagikan kepada 3 pulau. Pulau pertama yang akan ditambak adalah Pulau A, iaitu pulau terbesar dengan keluasan sebanyak 2,300 ekar. Tumpuan pulau ini pula bukannya sebagai pusat komersil atau perumahan, walaupun elemen-elemen ini sudah tentu akan termasuk. Sebaliknya tumpuan bagi Pulau A adalah untuk menyediakan tanah industri yang baharu.

Kawasan perindustrian bagi Pulau A pula bukan sekadar tanah lapang yang biasa tetapi akan direka bentuk secara khusus mengikut keperluan semasa industri sedunia. Bila kita lihat kepada permintaan dan keperluan syarikat-syarikat terbesar dunia pada hari ini, keperluan mereka tidak lagi berkisar pada kos buruh yang murah atau insentif-insentif tempatan semata-mata. Mereka kini mengutamakan faktor ESG (Environmental, Social, Governance).

Dalam erti kata lain, mereka akan memilih tapak pelaburan yang dapat memenuhi keperluan piawaian ESG antarabangsa yang sukar dicapai dengan tanah *brownfield* ataupun kawasan yang sudah dibangunkan.

Tetapi dengan tambakan pulau baharu, pembangunan *greenfield* dapat dilakukan agar Pulau Pinang dapat menawarkan kawasan perindustrian baharu yang sesuai dan dapat menarik minat syarikat-syarikat terbesar agar rakyat Pulau Pinang dapat berkecimpung dalam pekerjaan-pekerjaan berpendapatan tinggi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)25

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

25. Sektor Pelancongan di Pulau Pinang.
- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memulihkan sektor pelancongan yang terjejas teruk disebabkan pandemik COVID-19?
 - (b) Jelaskan kaedah promosi serta perancangan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan semula Pulau Pinang walaupun masih dalam cabaran pandemik COVID-19.
 - (c) Jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk tujuan di atas.

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. (a) Rancangan Kerajaan Negeri untuk memulihkan sektor pelancongan yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:
- (i) Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kerajaan Negeri telah mengumumkan Pakej

Bantuan Rakyat 1.0 dan 2.0 yang bertujuan membantu golongan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 yang turut merangkumi peniaga kecil dan penjaja berlesen, pemandu pelancong; pemandu teksi, penarik beca, pemandu e-hailing, pemandu bas/van persiaran, pemandu kereta sewa/limousin, pengusaha kuda dan pengusaha lancang air. Selain itu, pengecualian sewa juga diberikan kepada premis-premis perniagaan milik Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Penang Development Corporation (PDC) dan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang;

- (ii) Kerajaan Negeri turut memperkenalkan skim pinjaman tanpa faedah untuk sektor pelancongan Pulau Pinang melalui Skim PEKA 2.0 kepada syarikat/pengusaha pelancongan sebagai langkah pemulihan pelancongan. Peruntukan RM10 juta disediakan di bawah skim ini. Pinjaman tanpa faedah ini dapat meringankan beban kewangan dan

memperbaiki aliran tunai syarikat/pengusaha pelancongan;

- (iii) Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, pelancongan domestik adalah dibenarkan. Oleh itu, keutamaan adalah diberikan untuk menggerakkan semula sektor pelancongan dengan fokus kepada pasaran pelancongan domestik. Kempen promosi dan pemasaran giat dijalankan dengan sasaran kepada pelancong domestik. Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan seperti hotel penginapan, tempat tarikan pelancong dan agen pelancongan untuk membentuk pakej pelancongan bagi menarik pelancong ke Pulau Pinang. Pakej-pakej pelancongan tersebut dipromosikan di laman web penangtraveldeals.com. Selain itu, pameran pelancongan dalam negara seperti *Penang International Travel Exchange (PITE)* yang akan diadakan pada 14-16 Oktober 2020 dan *Business Events Penang (BE@Penang)* yang akan diadakan

pada 10-11 Disember 2020 merupakan platform yang sesuai untuk menonjolkan keistimewaan Pulau Pinang dan menarik pelancong domestik;

- (iv) Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism dan Penang Convention and Exhibition Bureau telah melaksanakan kempen bagi mempromosikan pelancongan Pulau Pinang kepada pelancong dalam pelbagai kategori. Antaranya, kempen “*Yes, This is Penang & Penang Through Lenses*” menggalakkan lawatan semula (*revisitation*) ke Pulau Pinang, kempen “*7 World Wonders of Penang*” menjenamakan 7 tarikan utama di Pulau Pinang, kempen “*JOM! Experience Penang*” bagi mengukuhkan pelancongan domestik di kalangan penduduk tempatan, kempen “*Thank You Frontliners*” menawarkan pakej menarik kepada pekerja barisan hadapan dan kempen “*Penang Here For Tomorrow*” yang memberi tumpuan kepada bidang pelancongan *business events*;

- (v) Penubuhan PETERAB dan Pasukan Kerja *Next Norm* Pelancongan Pulau Pinang untuk membantu pemulihan ekonomi pelancongan supaya mengurangkan pandemik COVID-19 terhadap industri pelancongan dan mempercepatkan proses pemulihan

- (vi) Mempromosikan pelancongan Pulau Pinang melalui radio dan media sosial dengan menonjolkan keistimewaan Pulau Pinang khususnya dalam aspek makanan tempatan, gaya hidup, alam semula jadi, pengembaraan, budaya dan warisan. Saluran promosi media sosial merangkumi Facebook, Instagram, LinkedIn, Youtube, Youku, Weibo, Wechat dan TikTok, manakala saluran radio merangkumi Mix FM, Sinar FM, Melody FM, HITZ FM, MY FM dan ERA FM. Video-video pelancongan juga dihasilkan bagi menunjukkan usaha-usaha yang dilaksanakan dalam memastikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelancongan yang selamat. Video yang dihasilkan bertajuk "*Your*

Safety Is Our Priority”, *“Thank You For Keeping Penang Safe”* dan *“Penang Responsible Tourism”* meningkatkan keyakinan pelancong. Promosi ini akan membantu memperkukuhkan jenama Pulau Pinang dan menggalakkan lebih ramai pelancong melawat Pulau Pinang, lantas meningkatkan ekonomi negeri;

- (vii) Memperkenalkan kempen Pelancongan Bertanggungjawab (*Responsible Tourism*) untuk memastikan semua orang sedar tentang tanggungjawab yang dipikul dan harus dijalankan oleh setiap lapisan masyarakat. Pelancongan Bertanggungjawab memberi fokus kepada lima (5) tanggungjawab pelancong iaitu penjarakan sosial, kerapkan pembasuhan tangan, memakai pelitup muka, pembuangan pelitup muka secara betul, dan mendapatkan rawatan segera sekiranya kurang sihat; dan lima (5) tanggungjawab penggiat pelancong iaitu menyediakan aplikasi MySejahtera/PGCare, periksa suhu badan,

sediakan pembersih tangan dan sabun, pastikan penjarakan sosial dan menyediakan tong sampah yang mencukupi;

(viii) Mewujudkan Sistem Akreditasi bagi Kesiapsiagaan COVID-19 di Pulau Pinang (COVID-19 Safety Accreditation Programme). Akreditasi ini memberikan pengiktirafan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan yang telah memenuhi dan mematuhi garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan. Logo akreditasi yang dipamerkan di premis hotel dan tempat tarikan pelancong akan memberi keyakinan dan keamanan yang tinggi kepada pelancong semasa lawatan mereka di Pulau Pinang; dan

(ix) Kerajaan Negeri turut mempertingkatkan infrastruktur serta menyediakan lebih banyak kemudahan mesra pelancong di samping melaksanakan penyelenggaraan berterusan bagi

infrastruktur sedia ada. Stesen Atas Bukit Bendera akan dinaik taraf dengan memperluaskan ruang menunggu, penyediaan lif dan eskalator serta pelaksanaan Sistem *Electronic Queue Management System*. Di kawasan George Town pula, Kerajaan Negeri melalui Pelan Induk Pesisir Utara George Town sedang dalam perancangan untuk menaik taraf kawasan Padang Kota, Esplanade, *English Garden* dan Kota Cornwallis yang merupakan tempat tumpuan pelancong.

(b) Kaedah promosi serta perancangan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan semula Pulau Pinang walaupun masih dalam cabaran pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:

(i) Promosi melalui media elektronik.

Kerajaan Negeri mempromosikan pelancongan Pulau Pinang melalui radio dan media sosial. Saluran promosi media sosial merangkumi Facebook, Instagram, LinkedIn, Youtube, Youku, Weibo,

Wechat dan TikTok, manakala saluran radio merangkumi Mix FM, Sinar FM, Melody FM, HITZ FM, MY FM dan ERA FM. Video-video pelancongan juga dihasilkan bagi menunjukkan usaha-usaha yang dilaksanakan dalam memastikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelancongan yang selamat.

(ii) Promosi melalui media cetak.

Promosi juga dibuat melalui pengiklanan di pejalan kaki tertutup (*covered walkways*) di pusat bandar Kuala Lumpur melalui kempen *Outdoor Advertising Campaign*. Lokasi yang terlibat adalah Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Chulan berhadapan dengan Wisma Genting dan Wisma Cosway. Risalah pelancongan Pulau Pinang turut dicetak dan diedarkan di lokasi strategik kunjungan pelancong seperti hotel, lapangan terbang, pusat membeli-belah dan tempat-tempat tarikan pelancong.

(iii) Promosi melalui kempen.

Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism dan Penang Convention and Exhibition Bureau telah melaksanakan kempen bagi mempromosikan pelancongan Pulau Pinang kepada pelancong dalam pelbagai kategori. Antaranya, kempen “*Yes, This is Penang & Penang Through Lenses*” menggalakkan lawatan semula (*revisitation*) ke Pulau Pinang, kempen “*7 World Wonders of Penang*” menjenamakan 7 tarikan utama di Pulau Pinang, kempen “*JOM! Experience Penang*” bagi mengukuhkan pelancongan domestik di kalangan penduduk tempatan, kempen “*Thank You Frontliners*” menawarkan pakej menarik kepada pekerja barisan hadapan dan kempen “*Penang Here For Tomorrow*” yang memberi tumpuan kepada bidang pelancongan *business events*;

(iv) Promosi melalui tawaran pakej pelancongan.

Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan seperti hotel penginapan, tempat tarikan pelancong dan agen pelancongan untuk membentuk pakej pelancongan bagi menarik pelancong ke Pulau Pinang. Pakej-pakej pelancongan tersebut dipromosikan di laman web penangtraveldeals.com. Selain itu, Penang Global Tourism juga akan berkolaborasi dengan *Online Travel Agents (OTA)* yang utama di pasaran pelancongan untuk menawarkan *cashback* bagi pakej pelancongan yang dijual. Kempen *cashback* ini dicadangkan untuk dilaksanakan pada akhir tahun 2020 bagi memperkukuhkan jenama pelancongan Pulau Pinang.

- (v) Promosi melalui pameran pelancongan dan perdagangan.

Pameran pelancongan dan perdagangan dalam negara seperti *Penang International Travel Exchange (PITE)* yang akan diadakan pada 14-16 Oktober 2020

dan *Business Events Penang (BE@Penang)* yang akan diadakan pada 10-11 Disember 2020 merupakan platform yang sesuai untuk menonjolkan keistimewaan Pulau Pinang dan menarik pelancong domestik. Selain itu, Kerajaan Negeri juga mempromosikan destinasi pelancongan Pulau Pinang di *MATTA Fair* dan pameran-pameran pelancongan yang lain.

- (c) Anggaran perbelanjaan bagi program-program promosi dan pemasaran di atas adalah berjumlah RM3.5 juta.